

Fitnah: Pas boleh

BH 27 APR 2002

Norbakti Alias dan Hassan Omar

ALOR STAR, Jumaat - Kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap Pas kerana perbuatannya melemparkan fitnah dan mengeluarkan kejian.

Bagaimanapun, pada masa sama rakyat harus memberi kepercayaan serta menyokong tindakan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, orang ramai tidak harus terpengaruh dengan

taktik yang cuba digunakan parti pembangkang itu.

"Jangan ikut orang Pas yang sikit-sikit nak membe-rontak, berdemonstrasi untuk meruntuhkan kerajaan dengan menjadikan keadaan huru-hara," katanya.

Beliau juga mengulangi bahawa Pas yang memanggil dirinya sebagai parti Islam, kerap melakukan perkara yang tidak betul dan bercanggah dengan ajaran agama.

"Dia bermusuhan dengan

orang Islam... panggil orang baru, guna kata-kata kasar, kafirkan orang, panggil orang Firaun, mahazalim dan sebagainya.

"Ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam," katanya mengulas sikap Pas yang berterusan mengka-firkan orang Umno serta melemparkan kejian khususnya kepada kepimpinan negara.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2002, di

perkarangan Stadium Darulaman di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Pengerusi Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman.

Dr Mahathir berkata, Islam mengajar umatnya melakukan kerja secara hormat dan baik.

"Jika baca buku baru (Datuk Seri) Haji Hadi (Awang), dia sebut kalau

kena tindakan

nak pujuk orang mestilah dengan cara baik. Tapi, dia tak pernah guna cara baik, dia kata saja.

"Dia tahu kata dalam al-Quran dan hadis menyebut supaya kita gunakan kebijaksanaan dalam mempengaruhi orang.

"Tapi dia tak guna kebijaksanaan... dia maki orang...sedihlah," katanya.

Sementara itu, *Bernama* melaporkan ketika berucap selepas solat Jumaat di Masjid Putra di Kuala Kedah dekat sini, Perdana Menteri mengulangi kenya-

taannya supaya umat Islam di negara ini mengekalkan keamanan melalui perpaduan sekurang-kurangnya dalam agama walaupun pegangan politik mereka berbeza.

"Janganlah kita berpecah-belah dalam soal agama kerana agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw hanya satu.

"Umat Islam dapat membangunkan diri mereka jika bersatu hati dan seterusnya ini membolehkan mereka membantu umat Islam yang kurang bernasib

baik di negara lain," katanya.

Beliau berkata, Malaysia aman kerana majoriti umat Islam di negara ini tidak menimbulkan perpecahan.

Katanya, faktor yang menyebabkan umat Islam sekarang dihina dan ditindas ialah tiada perpaduan di kalangan mereka dan negara Islam.

"Berikutan perpecahan itu umat Islam masih lemah walaupun berjumlah 1.3 bilion di seluruh dunia," katanya.